

**EFIKASI KENDIRI, SIKAP, KESEDIAAN DAN
CABARAN MENJALANKAN PERKHIDMATAN
BIMBINGAN DAN KAUNSELING KLIEN
BERKEPERLUAN KHAS**

ROHAIDA BINTI BAKAR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2017

**EFIKASI KENDIRI, SIKAP, KESEDIAAN DAN
CABARAN MENJALANKAN PERKHIDMATAN
BIMBINGAN DAN KAUNSELING KLIEN
BERKEPERLUAN KHAS**

oleh

ROHAIDA BINTI BAKAR

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

OGOS 2017

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.bt. dan selamat sejahtera

Syukur Alhamdulillah kerana dengan izinNya kajian ‘Efikasi Kendiri, Sikap, Kesediaan dan Cabaran Menjalankan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Klien Berkeperluan Khas’ ini dapat disempurnakan. Saya amat berterima kasih kepada penyelia saya, Dr. Rahimi Che Aman dan Dr. Syed Mohamad bin Syed Abdullah yang telah memberi tunjuk ajar, nasihat dan membimbing tanpa jemu sehinggalah saya dapat menyelesaikan kajian ini. Tanpa komitmen dan kesungguhan yang diberikan, tidak mungkin saya dapat menyelesaikan kajian ini.

Tidak dilupakan penghargaan ini juga ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kerana telah memberi peluang dan menaja pengajian saya. Ucapan penghargaan juga diberikan kepada semua para pensyarah yang menjadi pakar rujuk dari Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia dan IPG Kampus Tuanku Bainun yang telah banyak membantu mencetuskan idea, dan menyuntik semangat dalam menyempurnakan kajian ini.

Penghargaan turut ditujukan kepada semua pihak yang membantu melicinkan urusan kajian ini iaitu kakitangan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Bahagian Perancangan Penyelidikan (EPRD), Jabatan Pendidikan Negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang serta sekolah-sekolah yang terlibat. Tidak dilupakan, para guru kaunseling yang terlibat sebagai sampel dan peserta kajian. Tanpa mereka, kajian ini tidak dapat disempurnakan.

Istimewa buat ayahanda Allahyarham Haji Bakar bin Haji Nasri, bonda Hajjah Jamaliah binti Haji Nasri, terima kasih kerana sentiasa mendoakan anakanda berjaya menamatkan pengajian ijazah doktor falsafah ini. Kejayaan ini khas buat ayahanda dan bonda biarpun ayahanda tidak berkesempatan melihat kejayaan ini kerana pemergian ayahanda di saat akhir pengajian ini ditamatkan. AL FATIHAH.

Penghargaan istimewa buat suami tercinta, Azman bin Mab @ Adnan dan anak-anak tersayang, Muhammad Muhaimin, Muhammad Hifzhan Faris, Nur Ain Najihah dan Muhammad Aqif Nufail yang telah berkorban dan memahami suka duka sepanjang menyiapkan kajian ini. Mohon ampun dan maaf kerana sepanjang menyiapkan kajian ini terdapat kekurangan tanggungjawab dan kesukaran yang terpaksa dirasai bersama.

Akhir sekali buat rakan-rakan seperjuangan, Teo Lai Yong, Salina Mokhtar, Mastura Karimuddin, Normila Ahmad, Noor Miza Abdul Rahman, Asniza Ishak, Azimah Abdullah, Nik Noor Khairulnisa Nik Hassan dan semua rakan lain yang banyak membantu memberi sokongan dan semangat menjayakan kajian ini. Persahabatan sepanjang perjalanan pengajian ijazah kedoktoran yang penuh liku ini sangat dihargai dan semoga persahabatan berkekalan seterusnya.

Sekian, wassalam.

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iv
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
ABSTRAK	xviii
ABSTRACT	xx
BAB SATU PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	4
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Tujuan Kajian	14
1.5 Objektif Kajian	14
1.6 Persoalan Kajian	15
1.7 Hipotesis Kajian	16
1.8 Kepentingan Kajian	17
1.9 Kerangka Konsep	20
1.10 Definisi Istilah, Konsep dan Operasi	23
1.10.1 Efikasi Kendiri	23
1.10.2 Sikap Terhadap klien Berkeperluan Khas	23
1.10.3 Kesediaan	24
1.10.4 Cabaran	25

1.10.5	Guru Kaunseling	25
1.10.6	Klien Berkeperluan Khas	25
1.11	Batasan Kajian	26
1.12	Rumusan	28
BAB DUA SOROTAN KAJIAN		29
2.1	Pendahuluan	29
2.2	Teori-teori dan Literatur yang Berkaitan	29
2.2.1	Model Efikasi Kendiri Albert Bandura	30
2.2.2	<i>Theory of Planned Behavior (TPB)</i>	36
2.2.3	Kesediaan Guru Kaunseling MenjalankanPerkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Klien Berkeperluan Khas	41
2.2.3(a)	Kemahiran dan Pengetahuan Asas Kaunseling	42
2.2.3(b)	Pengetahuan Am Pendidikan Khas	43
2.2.3(c)	Kemahiran Konsultasi	44
2.2.3(d)	Kaunseling Individu	45
2.2.3(e)	Kaunseling Kelompok	45
2.2.3(f)	Pengetahuan untuk Perancangan Peralihan	46
2.2.3(g)	Peruntukan Perundangan dan Panduan Berkaitan Klien Berkeperluan Khas	46
2.2.4	Cabaran Guru Kaunseling Klien Berkeperluan Khas	49
2.2.4(a)	Hubungan Terapeutik	50
2.2.4(b)	Ketidakupayaan Pembelajaran	50
2.2.4(c)	Kerap Tidak Konsisten	51
2.2.4(d)	Berasa Tidak Diterima	51
2.2.4(e)	Kurang Tanggungjawab	51

2.2.4(f)	Matlamat Tidak Realistik	52
2.2.4(g)	Kurang Kesedaran tentang Sumber	52
2.3	Sorotan Kajian-kajian Lepas yang Berkaitan	53
2.3.1	Kajian Tentang Efikasi Kendiri Guru Kaunseling	54
2.3.2	Kajian Tentang Sikap Guru Kaunseling Terhadap Klien Berkeperluan Khas	59
2.3.3	Kajian Tentang Kesediaan Guru Kaunseling Menjalankan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Klien Berkeperluan Khas	61
2.3.4	Kajian Tentang Cabaran Guru Kaunseling Menjalankan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Klien Berkeperluan Khas	64
2.4	Kerangka Teori Kajian	67
2.5	Rumusan	69
BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN		70
3.1	Pendahuluan	70
3.2	Pendekatan Kajian	70
3.2.1	Pendekatan Kajian Kuantitatif	71
3.2.2	Pendekatan Kajian Kualitatif	72
3.3	Reka Bentuk Kajian	74
3.4	Teknik Pensampelan	78
3.4.1	Teknik Pensampelan Kajian Kuantitatif	78
3.4.2	Teknik Pensampelan Kajian Kualitatif	82
3.5	Instrumen Kajian	83
3.5.1	Latar Belakang Responden	84
3.5.2	<i>School Counselor Self-efficacy Scale</i> (Bodenhorn & Skaggs, 2005)	85
3.5.3	<i>Attitudes Toward Disabled Person Scale-Form O</i> (Yuker, Block & Champbell, 1960)	86

3.5.4	<i>School Counselor Preparation Survey – Revised</i> (Milsom, 2002)	87
3.5.5	Protokol Temu Bual	88
3.6	Kesahan Instrumen Kuantitatif	91
3.6.1	Kesahan Bahasa	92
3.6.2	Kesahan Kandungan	93
3.6.3	Kesahan Muka	94
3.7	Kesahan Kajian Kualitatif	94
3.8	Kajian Rintis dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	96
3.8.1	Nilai Pekali Cronbach Alpha	98
3.8.2	Nilai Pekali Persetujuan Cohen Kappa	99
3.9	Prosedur Kajian	104
3.9.1	Fasa Sebelum Kajian	106
3.9.2	Fasa Kajian Kuantitatif	107
3.9.3	Fasa Kajian Kualitatif	107
3.10	Teknik Pengumpulan Data	108
3.11	Analisis Data	109
3.11.1	Analisis Data Kuantitatif	109
3.11.2	Analisis Data Kualitatif	110
3.12	Rumusan	113
	BAB EMPAT DAPATAN KAJIAN	115
4.1	Pendahuluan	115
4.2	Kajian Kuantitatif	116
4.2.1	Profil Responden	116

4.2.2	Tahap Efikasi Kendiri, Sikap Terhadap Klien Berkeperluan Khas dan Kesediaan Guru Kaunseling Menjalankan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Klien Berkeperluan Khas	118
4.2.3	Hubungan Antara Efikasi Kendiri Dengan Kesediaan Guru Kaunseling Menjalankan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Klien Berkeperluan Khas	120
4.2.4	Hubungan Antara Sikap Guru Kaunseling Terhadap Klien Berkeperluan Khas Dengan Kesediaan Guru Kaunseling Menjalankan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Klien Berkeperluan Khas	122
4.2.5	Pengaruh Efikasi Kendiri dan Sikap Guru Kaunseling Terhadap Kesediaan Menjalankan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Klien Berkeperluan Khas	124
4.3	Kajian Kualitatif	132
4.3.1	Profil Subjek Kajian	132
4.3.2	Cabaran Guru Kaunseling Menjalankan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Klien Berkeperluan Khas	134
4.3.2(a)	Komunikasi	136
4.3.2(a)(i)	Penggunaan Bahasa Isyarat	136
4.3.2(a)(ii)	Halangan Komunikasi	141
4.3.2(a)(iii)	Bahan Bantu Komunikasi	145
4.3.2(b)	Meningkatkan Kompetensi	147
4.3.2(b)(i)	Belajar Sendiri	148
4.3.2(b)(ii)	Bertanya dan Membuat Pemerhatian	149
4.3.2(b)(iii)	Kursus Pendek / LDP	150
4.3.2(c)	Membina Hubungan	151
4.3.2(c)(i)	Proses Membina Hubungan Mengambil Masa Lama	152
4.3.2(c)(ii)	Rappo Di Luar Sesi	153
4.3.2(d)	Layanan	155

4.3.2(d)(i)	Terima Klien Seadanya	156
4.3.2(d)(ii)	Memberi Layanan yang Berbeza Mengikut Individu	157
4.3.2(d)(iii)	Mesra/Rapat	158
4.3.2(e)	Kepercayaan	159
4.3.2(e)(i)	Penerimaan Klien	159
4.3.2(e)(ii)	Penerimaan Guru dan Staf Lain	161
4.3.2(f)	Penentuan Matlamat	164
4.3.2(f)(i)	Bimbingan	165
4.3.2(f)(ii)	Kesesuaian Matlamat	166
4.3.2(g)	Penerokaan	167
4.3.2(g)(i)	Penceritaan Terhadap	167
4.3.2(g)(ii)	Parafrasa Tidak Kesampaian	168
4.3.2(g)(iii)	Kepakaran Tambahan Dalam Membantu Proses Penerokaan Masalah	169
4.3.2(h)	Komitmen Klien	170
4.3.2(h)(i)	Kehadiran Sesi Temu Janji	171
4.3.2(h)(ii)	Kesukaran Memberi Tumpuan	171
4.3.2(i)	Celik Akal	172
4.3.2(i)(i)	Pencapaian Objektif Sesi	173
4.3.2(i)(ii)	Proses Celik Akal Lambat	174
4.3.2(j)	Program Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK)	175
4.3.2(j)(i)	Terlalu Banyak Aktiviti	178
4.3.2(j)(ii)	Perlu Ubah Suai Aktiviti	182

4.3.3	Perbandingan Cabaran Menjalankan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Klien Berkeperluan Khas Mengikut Kategori	185
4.4	Gabungan Interpretasi Data Kuantitatif dan Kualitatif	197
4.5	Rumusan	201
BAB LIMA PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN		203
5.1	Pendahuluan	203
5.2	Perbincangan	203
5.2.1	Tahap Efikasi Kendiri Guru Kaunseling	204
5.2.2	Tahap Sikap Guru Kaunseling Terhadap Klien Berkeperluan Khas	207
5.2.3	Tahap Kesediaan Guru Kaunseling Menjalankan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Klien Berkeperluan Khas	209
5.2.4	Hubungan Antara Efikasi Kendiri Dengan Kesediaan Guru Kaunseling Menjalankan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Klien Berkeperluan Khas	212
5.2.5	Hubungan Antara Sikap Guru Kaunseling Terhadap Klien Berkeperluan Khas Dengan Kesediaan Guru Kaunseling Menjalankan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Klien Berkeperluan Khas	213
5.2.6	Pengaruh Efikasi Kendiri dan Sikap Guru Kaunseling Terhadap Kesediaan Menjalankan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Klien Berkeperluan Khas	215
5.2.7	Cabaran Guru Kaunseling Menjalankan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Klien Berkeperluan Khas	217
5.2.8	Perbandingan Cabaran Menjalankan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Klien Berkeperluan Khas Mengikut Kategori Masalah	223
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	227
5.3.1	Implikasi Terhadap Amalan (Praktis) Guru Kaunseling	227
5.3.2	Impikasi Terhadap Latihan Guru Kaunseling	228

5.3.3	Implikasi Terhadap Klien Berkeperluan Khas	230
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	230
5.5	Kesimpulan Kajian	232

SENARAI RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1.1	Kerangka Konsep Kajian	22
Rajah 2.1	Model Efikasi Kendiri Albert Bandura (1986)	33
Rajah 2.2	<i>Model Theory of Planned Behavior</i> (TPB)	37
Rajah 2.3	Model TREATS (Baumberger & Harper, 1999)	48
Rajah 2.4	Kerangka Teori Kajian	68
Rajah 3.1	Perincian Reka Bentuk Kajian Kaedah Campuran Berbilang (<i>Multiphase Mixed Methods Design</i>)	77
Rajah 3.2	Prosedur Kajian	105
Rajah 3.3	Prosedur Analisis Data Kualitatif (Bogdan dan Biklen,2007)	111
Rajah 4.1	<i>Scatterplot residual</i> Data Kajian	127
Rajah 4.2	Plot Normaliti Data Kajian	127
Rajah 4.3	Ringkasan Analisis Tematik Data Kualitatif	135

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1	Tinjauan Awal Tentang Pelaksanaan Bimbingan dan Kaunseling Klien Berkeperluan Khas di Sekolah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) 11
Jadual 3.1	Bilangan Guru Kaunseling di Sekolah Menengah 79
Jadual 3.2	Bilangan Sampel Guru Kaunseling di Sekolah Menengah Mengikut Negeri di Kawasan Kajian 81
Jadual 3.3	Perincian Soalan-soalan Protokol Temu Bual 90
Jadual 3.4	Min Persetujuan dan Pengesahan Pakar Terhadap Item Soal Selidik 94
Jadual 3.5	Min Persetujuan dan Pengesahan Pakar Terhadap Item Soalan Temu bual 96
Jadual 3.6	Indeks Kebolehpercayaan Instrumen Kajian 99
Jadual 3.7	Contoh Tema dan Sub Tema daripada Analisis Data Kualitatif 101
Jadual 3.8	Skala Persetujuan Cohen Kappa 102
Jadual 3.9	Cadangan Pengubahsuaian Tema dan Sub Tema oleh Pakar 104
Jadual 4.1	Profil Responden Kajian 117
Jadual 4.2	Tahap Efikasi Kendiri, Sikap Terhadap Klien Berkeperluan khas dan Kesediaan Guru Kaunseling Menjalankan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Klien Berkeperluan Khas 119
Jadual 4.3	Analisis Korelasi bagi Hubungan antara Efikasi Kendiri Guru Kaunseling dengan Kesediaan Guru Kaunseling Menjalankan Perkhidmatan Kunseling Klien Berkeperluan Khas 121
Jadual 4.4	Kekuatan Darjah Hubungan Pekali Korelasi 122

Jadual 4.5	Hubungan Antara Sikap Guru Kaunseling Terhadap Klien Berkeperluan khas dengan Kediaan Guru Kaunseling Menjalankan Perkhidmatan Kaunseling Klien Berkeperluan Khas	123
Jadual 4.6	Nilai Korelasi Pearson antara Variabel Bebas	126
Jadual 4.7	<i>Model Summary^c</i>	128
Jadual 4.8	<i>ANOVA^a</i>	129
Jadual 4.9	<i>Coefficients^a</i>	130
Jadual 4.10	<i>Excluded Variables^a</i>	131
Jadual 4.11	Profil Subjek Kajian	133
Jadual 4.12	Analisis Tentang Cabaran Guru Kaunseling Menjalankan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Klien Berkeperluan Khas	138
Jadual 4.13	Perbandingan Cabaran Guru Kaunseling di sekolah Khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)	186
Jadual 4.14	Gabungan Interpretasi Data Kuantitatif dan Kualitatif	198

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	Soal Selidik
LAMPIRAN B i	Kebenaran Menggunakan SCSE
LAMPIRAN B ii	Kebenaran Menggunakan ATDP
LAMPIRAN B iii	Kebenaran Menggunakan SCPS-R
LAMPIRAN C	Protokol Temu Bual
LAMPIRAN D	Pengesahan Pakar Terhadap Item Soal Selidik
LAMPIRAN E	Persetujuan Pakar Terhadap Soalan Temu Bual
LAMPIRAN F	Pengesahan Pakar Terhadap Kesesuaian Tema
LAMPIRAN G	Kebenaran EPRD
LAMPIRAN H	Kebenaran JPN Perlis
LAMPIRAN I	Kebenaran JPN Kedah
LAMPIRAN J	Kebenaran JPN Pulau Pinang
LAMPIRAN K	Pengesahan Pelajar USM
LAMPIRAN L	Contoh Dapatan Atlas Ti

SENARAI SINGKATAN

ADA	<i>Americans With Disabilities Act</i>
ADHD	<i>Attention Deficit Hyperactive Disorder</i>
ASCA	<i>American School Counselor Association</i>
ATDP	<i>Attitudes Toward Disabled Person Scale</i>
DV	Variabel bersandar
EmiS	<i>Educational Managment Information System</i>
EPRD	Bahagian Perancangan Penyelidikan
IDEA	<i>Individual With Disabilities Education Act</i>
IPG	Institut Pendidikan Guru
IV	Variabel tidak bersandar
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LDP	Latihan Dalam Perkhidmatan
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
NGO	Agensi Bukan Kerajaan
OKU	Orang Kelainan Upaya

PDK	Pemulihan Dalam Komuniti
PK	Penolong Kanan
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
SCARS	<i>School Counselor Activity Rating Scale</i>
SCPS	<i>School Counselor Preparation Survey</i>
SCSE	<i>School Counselor Self-efficacy</i>
SP	Sisihan Piawai
SPK	Sekolah Pendidikan Khas
TPB	<i>Theory of Behaviour</i>
TREAT	<i>Theories and Concepts, Relationships, Environments, Adjunct Services and Treatable Goals</i>
UBK	Unit Bimbingan dan Kaunseling

**EFIKASI KENDIRI, SIKAP, KESEDIAAN DAN CABARAN
MENJALANKAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN
KAUNSELING KLIEN BERKEPERLUAN KHAS**

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji efikasi sendiri, sikap, kesediaan dan cabaran menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas. Kajian dijalankan terhadap 400 guru-guru kaunseling yang berkhidmat di sekolah-sekolah menengah di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Reka bentuk kajian adalah berbentuk campuran (*mix-method*) iaitu menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Tiga instrumen digunakan dalam kajian ini iaitu *School Counselor Self-efficacy Scale*, *Attitudes Toward Disabled Person Scale – Form O* dan *School Counselor Preparation Survey – Revised*. Analisis yang digunakan bagi kajian kuantitatif adalah analisis statistik diskriptif, korelasi dan regresi berganda. Bagi kajian kualitatif pula, kaedah temu bual dilaksanakan terhadap 12 subjek kajian dan dianalisis menggunakan perisian Atlas TI. Kajian kuantitatif mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri dengan kesediaan, nilai $r(400)=0.57$, $p=0.00$ ($p < 0.01$). Kajian juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara sikap terhadap klien berkeperluan khas dengan kesediaan, nilai $r(400)=0.36$, $p=0.00$ ($p < 0.01$). Seterusnya, analisis regresi berganda mendapati efikasi sendiri merupakan penyumbang terbesar tahap kesediaan secara keseluruhan dengan jumlah sumbangan sebanyak 31.9% ($Beta=0.57$, $p < 0.05$). Kombinasi tahap efikasi sendiri dan sikap ($Beta=0.50$, $p < 0.05$) menambah 3.8% lagi pengaruh kesediaan guru kaunseling untuk menjalankan perkhidmatan

bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas. Kajian kualitatif pula mendapati tema-tema cabaran menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas adalah dari sudut komunikasi, kecekapan, membina hubungan, layanan, kepercayaan, penentuan matlamat, penerokaan, komitmen klien, celik akal klien, dan pelaksanaan program Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK). Kajian ini membantu guru kaunseling memahami faktor-faktor seperti efikasi sendiri dan sikap positif terhadap klien berkeperluan khas yang boleh mempengaruhi kesediaan untuk mengharungi pelbagai cabaran ketika menjalankan sesi kaunseling. Kajian ini juga dapat menjelaskan tentang kepentingan efikasi sendiri dan sikap guru kaunseling terhadap klien berkeperluan khas dalam menentukan niat untuk bertingkah laku. Hal ini bagi memastikan guru kaunseling adalah kompeten dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas.

SELF-EFFICACY, ATTITUDE, READINESS AND CHALLENGES IN CONDUCTING GUIDANCE AND COUNSELING WITH SPECIAL NEEDS CLIENTS

ABSTRACT

This research examined self-efficacy, attitude, readiness and challenges in executing guidance and counseling services with special needs clients. The researched involved 400 counseling teachers who were servicing secondary schools in Perlis, Kedah and Penang. The research employed a mixed method design, which combined both quantitative and qualitative approaches. Three instruments were used in this research – ‘School Counselor Self-efficacy Scale’, ‘Attitudes Toward Disabled Person Scale – Form O’ and ‘School Counselor Preparation Survey – Revised’. Quantitative analyses used included descriptive statistics, correlation and multiple regression. As for the qualitative study, interviews were conducted with 12 subjects and analysed using Atlas TI software. The quantitative research found that there exists a significant correlation between self efficacy and readiness, with the value of $r(400)=0.57$, $p=0.00$ ($p < 0.01$). The research also discovered a significant correlation between attitude towards special needs clients and readiness, with $r(400)=0.36$, $p=0.00$ ($p < 0.01$). From the multiple regression analysis, it was found that self-efficacy appeared to be the biggest contributor (31.9%) towards the readiness level in executing counseling with special needs clients (Beta=0.57, $p < 0.05$). The combination of self-efficacy level and attitude (Beta=0.50, $p < 0.05$) adds 3.8% to the influence towards counseling teachers’ readiness to execute guidance and counseling for special needs clients. The

qualitative analysis gives insights on the challenges faced by the counseling teachers while implementing such special needs guidance and counseling. The challenges were pertaining to communication, competency, rapport establishment, treatment, trust, goal setting, exploration, clients' commitment, clients' intellectual ability and guidance and counseling program implementation. This research basically helps counseling teachers to understand factors (such as self-efficacy and positive attitude) that may influence their readiness to face the challenges while conducting the counseling sessions. This research also explains the importance of counseling teachers' self-efficacy and attitude towards clients with special needs in determining the intention of certain behaviours. This is to ensure that counseling teachers are competent in guidance and counseling services especially for clients with special needs.

BAB SATU

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling semakin berkembang pesat di Malaysia. Tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat dapat menerima perkhidmatan kaunseling dengan baik sebagai salah satu cara membantu menyelesaikan isu yang dihadapi dalam kehidupan seharian. Menurut Akta kaunselor (Akta 580), kaunseling adalah proses yang sistematik untuk membantu perhubungan individu dan persekitarannya berdasarkan prinsip-prinsip psikologi yang dilaksanakan oleh kaunselor berdaftar mengikut kod etika kaunseling bagi mencapai suatu perubahan, kemajuan dan penyesuaian yang holistik, baik dan sukarela pada diri klien supaya perubahan, kemajuan dan penyesuaian itu akan berterusan sepanjang hayat.

Kaunseling juga merupakan proses pembelajaran apabila seseorang individu itu belajar tentang diri sendiri, perhubungan antara individu dan tingkah laku yang dapat memajukan perkembangan peribadi (Sapora Sipon & Hapshah Yusof, 2010). Oleh itu, kaunseling dilihat sebagai hubungan menolong yang dilakukan oleh seseorang yang profesional bagi menghasilkan perubahan dan perkembangan peribadi klien ke arah yang lebih baik dan menyeluruh sepanjang hayat.

Kaunselor bertindak membantu klien meneroka permasalahan yang dialami, dan kemudian membantu klien meneroka semua aspek diri yang boleh membantu menyelesaikan permasalahan tersebut (Amla Salleh, Zuria

Mahmud, & Salleh Amat, 2009). Penerokaan ini akan menimbulkan kesedaran tentang diri, situasi dan pilihan-pilihan yang ada pada diri klien, seterusnya membantu klien membuat keputusan untuk menyelesaikan permasalahannya sendiri (Muhd. Mansur Abdullah & S. Nordinar Mohd Tamin, 2010). Oleh itu, segala keputusan yang dibuat oleh klien merupakan keputusannya sendiri berdasarkan refleksinya sendiri dan ini membolehkan klien lebih bertanggungjawab terhadap keputusannya itu.

Menyedari kemampuan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam membantu murid di sekolah, bermula pada tahun 1993, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengarahkan semua sekolah melantik seorang guru bimbingan dalam kalangan guru-guru di sekolah. Kemudian jawatan guru kaunseling sepenuh masa diwujudkan pada tahun 1996 dan lantikan dilaksanakan pada sesi persekolahan tahun 1997 (Amla Salleh et al., 2009). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan bilangan guru kaunseling yang ditempatkan di sesebuah sekolah adalah bergantung kepada nisbah guru kaunseling dan murid iaitu sebanyak 1:500.

Mengikut data daripada *Educational Management Information System* (EMiS) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sehingga Jun 2014, terdapat 5,817 orang guru kaunseling berkhidmat di sekolah-sekolah menengah di seluruh Malaysia. Selain di sekolah-sekolah menengah biasa, guru kaunseling juga ditempatkan di sekolah-sekolah pendidikan khas dan inklusif yang menempatkan murid berkeperluan khas. Sekolah pendidikan khas ialah sekolah yang menyediakan layanan pendidikan khas untuk murid berkeperluan khas dan sekolah inklusif merujuk kepada sekolah biasa yang menempatkan

murid berkeperluan khas bersama-sama dengan murid yang normal (Zalizan Mohd Jelas, 2009).

Menurut Mohd Zuri Ghani dan Aznan Che Ahmad (2012), Program Pendidikan Inklusif di Malaysia terbahagi kepada tiga kategori iaitu inklusif penuh, separa dan inklusif tempat. Pendidikan inklusif penuh bermaksud murid berkeperluan khas akan mengikuti sesi pembelajaran di dalam kelas aliran perdana bersama-sama murid normal yang lain. Pendidikan inklusif separa pula bermaksud murid berkeperluan khas mengikuti sesi pembelajaran di dalam kelas aliran perdana bersama-sama murid normal yang lain pada masa-masa tertentu sahaja. Manakala pendidikan inklusif tempat pula bermaksud murid berkeperluan khas belajar di dalam kelas khas bersama-sama rakan mereka yang juga murid berkeperluan khas di sekolah aliran perdana. Inklusif tempat juga dikenali sebagai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).

Penempatan guru kaunseling ke sekolah-sekolah pendidikan khas dan inklusif tidak mengambil kira sama ada guru kaunseling tersebut mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam bidang pendidikan khas. Hal ini adalah disebabkan kursus dan latihan guru kaunseling di Malaysia tidak mempunyai pengkhususan dalam mana-mana bidang pendidikan khas. Berdasarkan tinjauan awal penyelidik terhadap enam orang guru kaunseling yang berkhidmat di sekolah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), timbul masalah apabila seseorang guru kaunseling yang tiada pengalaman dalam bidang pendidikan khas ditugaskan di sekolah tersebut. Guru kaunseling berasa agak kurang yakin mengendalikan kaunseling dengan klien berkeperluan khas. Keadaan ini juga menyebabkan guru-guru pendidikan

khas itu sendiri tidak merujuk kepada guru kaunseling apabila terdapat klien berkeperluan khas yang memerlukan perkhidmatan psikososial, rundingan perkembangan diri dan sebagainya. Justeru itu, guru kaunseling tersebut perlu kekuatan dalaman dari sudut efikasi sendiri, sikap terhadap klien berkeperluan khas yang positif agar bersedia menghadapi cabaran menjalankan tanggungjawab bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas.

1.2 Latar Belakang

Golongan berkeperluan khas terdiri daripada tiga jenis ketidakupayaan iaitu kurang upaya sensori seperti masalah pendengaran (pekak) dan penglihatan, kurang upaya perkembangan contohnya masalah pembelajaran dan kurang upaya fizikal seperti cacat anggota (Zalizan Mohd Jelas, 2009). Menurut Akta Orang Kurang Upaya (Akta 685), pentafsiran golongan berkeperluan khas adalah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan menyekat keberkesanan mereka dalam masyarakat. Mereka yang tergolong seperti yang dinyatakan di atas dan telah disahkan oleh pegawai perubatan, layak menerima kad khas orang kelainan upaya (OKU) sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 25, Akta 685.

Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada tahun 2010 menunjukkan jumlah keseluruhan golongan berkeperluan khas yang mendaftar dengan agensi itu adalah seramai 283,204 orang. Hal ini menunjukkan sejumlah besar golongan berkeperluan khas yang memerlukan kebajikan

mereka diberikan perhatian. Data statistik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menunjukkan bilangan golongan berkeperluan khas di Malaysia meningkat secara berterusan dalam tempoh lima tahun (2006 hingga 2010). Statistik tersebut menunjukkan bilangan murid berkeperluan khas di sekolah-sekolah kerajaan Malaysia iaitu Sekolah Pendidikan Khas (SPK) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) adalah 25,382 orang pada tahun 2006, meningkat kepada 45,202 orang pada tahun 2010. Bilangan ini tidak termasuk murid berkeperluan khas di peringkat prasekolah. Walau bagaimanapun, ia masih tidak menggambarkan jumlah sebenar murid berkeperluan khas kerana sebahagian daripada mereka berada di sekolah-sekolah swasta dan juga pusat pemulihan dalam komuniti (PDK) di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Tiga kementerian iaitu Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bertanggungjawab memastikan kebajikan kanak-kanak berkeperluan khas terjaga manakala dua kementerian iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bertanggungjawab memastikan pendidikan bagi kanak-kanak berkeperluan khas tidak terabai. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyediakan perkhidmatan pendidikan kepada kanak-kanak yang menghadapi masalah cacat fizikal teruk dan kerencatan akal. Perkhidmatan latihan belajar dan kemahiran dilaksanakan dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan dan pusat-pusat pemulihan berasaskan komuniti.

Manakala Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pula menyediakan perkhidmatan pendidikan untuk murid berkeperluan khas yang

mempunyai masalah penglihatan, pendengaran dan bermasalah pembelajaran. Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengkategorikan murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran di bawah tanggungjawab mereka adalah seperti *sindrom down*, autisme ringan, *attention deficit hyperaktif disorder* (ADHD), terencat akal minimum, dan bermasalah pembelajaran spesifik contohnya disleksia.

Golongan berkeperluan khas berhak mendapatkan pendidikan sebagaimana termaktub di dalam Akta 685. Perkara 28(1), Akta 685 menjelaskan bahawa golongan berkeperluan khas tidak boleh dikecualikan daripada sistem pendidikan umum atas asas ketidakupayaan dan tidak boleh dikecualikan daripada pendidikan prasekolah, rendah, menengah dan tinggi, atas asas kesetaraan dengan orang atau kanak-kanak upaya, termasuk latihan vokasional dan pembelajaran sepanjang hayat. Manakala perkara 28(2) Akta yang sama memperuntukkan bahawa kerajaan dan penyedia pendidikan swasta hendaklah menyediakan penyesuaian munasabah yang sesuai dengan keperluan murid berkeperluan khas dari segi prasarana, kelengkapan dan bahan pengajaran, kaedah pengajaran, kurikulum dan bentuk sokongan lain. Oleh sebab itu, pendidikan khas dibentuk untuk memenuhi keperluan pendidikan golongan berkeperluan khas bersesuaian dengan potensi mereka secara optimum dan seterusnya menjadikan mereka sebagai warganegara yang berguna serta berupaya memberikan sumbangan dan perkhidmatan kepada masyarakat dan negara (Mohd Zuri Ghani & Aznan Che Ahmad, 2012).

Memandangkan golongan berkeperluan khas perlu diberi perhatian secara serius, sangat wajar bidang kaunseling juga memberi perhatian kepada

klien berkeperluan khas supaya golongan ini tidak diabaikan. Mereka ini memerlukan bantuan pakar psikologi dan kaunseling untuk membantu perkembangan diri dan mengatasi masalah emosi yang dihadapi. Penyelidik-penyelidik dari barat seperti Lewis (2010), Walker (2008), dan Torrence (2012) mendapati isu kaunseling klien berkeperluan khas sudah hangat dibincangkan sejak dua dekad lalu tetapi di Malaysia, ia masih baru. Kajian berkaitan kaunseling terhadap klien berkeperluan khas sangat terhad sedangkan keperluan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah pendidikan khas (SPK) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) adalah semakin meningkat dari semasa ke semasa selaras dengan penambahan bilangan sekolah-sekolah tersebut.

Penerimaan positif golongan berkeperluan khas terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sebagai satu cara membantu menyelesaikan permasalahan seharian tidak dapat disangkal. Terdapat beberapa kajian lepas yang menunjukkan kepentingan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada klien berkeperluan khas (Junaini Hassan, 2000; Ling Chu Siong, 2000; Safiah Sudin, 2001; & Zinaida Ariffin, 2003). Rohany Nasir (2003) pula menyenaraikan masalah-masalah dihadapi golongan berkeperluan khas apabila berada di alam pekerjaan antaranya sikap, kurang model peranan, limitasi dalam pengalaman awal, penyesuaian generalisasi, konsep sendiri, kemahiran berdikari, kemahiran sosial dan interpersonal serta masalah kemampuan membuat keputusan. Justeru itu, perkara ini perlu diambil perhatian oleh guru kaunseling sejak dari awal persekolahan lagi agar golongan ini dapat mengatasi masalah tersebut.

Kajian Normaziah Kamaruddin (2007) dan Nur Liyana Mohd Ibrahim (2007) menguatkan lagi pernyataan tentang keperluan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terhadap klien berkeperluan khas. Kajian mereka meninjau pandangan guru-guru khas masalah pembelajaran tentang keperluan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Kedua-dua kajian tersebut mendapati guru-guru pendidikan khas memberikan pandangan yang positif terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada golongan ini. Seterusnya, Zuhda Husain (2014) membina modul kaunseling pemulihan bagi membantu klien hilang upaya fizikal akibat kemalangan. Kajian beliau, mendapati modul yang dibina dapat membantu memulihkan dan memberi semangat baru kepada klien hilang upaya fizikal akibat kemalangan. Hal ini menunjukkan bahawa kaunseling dapat membantu golongan berkeperluan khas untuk menerima diri dan meneruskan kehidupan mereka.

Hujah tentang keperluan kaunseling kepada golongan berkeperluan khas ini disokong dengan kajian Owens, Thomas, dan Strong, (2007) yang mendapati kaunseling terhadap golongan berkeperluan khas adalah perlu bagi memastikan mereka menjadi produktif dan menjalani kehidupan yang sempurna. Tambahan pula, mereka ini adalah golongan berisiko menghadapi pelbagai masalah emosi. Memandangkan keperluan kaunseling klien berkeperluan khas semakin meningkat selaras dengan pertambahan jumlah sekolah-sekolah pendidikan khas dan Program Pendidikan Khas (PPKI), serta pelbagai cabaran kaunseling klien berkeperluan khas pada masa kini, Arnold (2010) dan Parkinson (2006) berpendapat adalah sangat perlu kajian seumpama ini dijalankan.

Bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas merupakan bidang yang belum dikaji secara meluas di Malaysia. Begitu juga dengan penyelidikan dan sumber rujukan berkaitan kaunseling klien berkeperluan khas yang masih terhad. Oleh sebab itu, amat perlu kajian ini dijalankan tambahan pula bidang pendidikan khas diberi penekanan dalam sistem pendidikan kita sebagaimana yang termaktub di dalam Akta Orang Kurang Upaya (Akta 685), maka wajar bidang kaunseling juga memberi penekanan dan perhatian kepada kaunseling klien berkeperluan khas.

1.3 Pernyataan Masalah

Hingga kini hampir semua universiti awam di Malaysia menawarkan program latihan dalam bidang bimbingan dan kaunseling, tetapi program yang ditawarkan khususnya yang melatih bakal guru kaunseling di sekolah-sekolah tidak didedahkan kepada bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas secara khusus (Zalizan Mohd Jelas, 2009). Walau bagaimanapun, terdapat permintaan terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah pendidikan khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi (Junaini Hassan, 2000; Ling Chu Siong, 2000; Normaziah Kamaruddin, 2007; Nur Liyana Mohd Ibrahim, 2007; Safiah Sudin, 2001; & Zinaida Ariffin, 2003). Ketiadaan latihan ini merupakan suatu cabaran kepada guru kaunseling yang ditempatkan bertugas di sekolah-sekolah pendidikan khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di negara ini.

Jadual 1.1 menunjukkan tinjauan awal penyelidik terhadap enam orang guru kaunseling yang bertugas di dua buah sekolah Program Pendidikan

Khas Integrasi (PPKI) kategori masalah pembelajaran di Pulau Pinang. Tinjauan awal ini dilaksanakan secara temu bual berkelompok bertujuan meninjau pengalaman pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas di sekolah masing-masing. Penyelidik memilih subjek kajian daripada sekolah-sekolah kategori masalah pembelajaran sahaja memandangkan subjek kajian daripada sekolah kategori masalah pendengaran dan penglihatan adalah terhad. Namun, pengkaji menjalankan kajian terhadap ketiga-tiga kategori sekolah iaitu masalah pembelajaran, pendengaran dan penglihatan pada kajian sebenar. Secara umumnya, tinjauan awal mendapati guru kaunseling menghadapi pelbagai cabaran dalam mengendalikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas. Cabaran besar yang dihadapi adalah tidak yakin, ragu-ragu dan tidak mahir untuk mengendalikan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas.

Jadual 1. 1: Tinjauan Awal Tentang Pelaksanaan Bimbingan dan Kaunseling Klien Berkeperluan Khas di Sekolah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)

Guru Kaunseling	Komen
Guru A	Tidak pernah menjalankan kaunseling dengan klien berkeperluan khas sebab tidak tahu kaedah hendak mengendalikannya. Teringin nak buat sesi tetapi tidak yakin. Lagi pulak saya guru baru.
Guru B	Tugas hakiki guru kaunseling sangat banyak sehingga tidak sempat nak menumpukan kepada klien berkeperluan khas. Biasanya guru pendidikan khas yang selesaikan sendiri. Mereka tidak merujuk klien kepada guru kaunseling.
Guru C	Tiada pendedahan awal ketika belajar dahulu. Jarang ada sesi dengan klien berkeperluan khas. Sukar mengendalikan kaunseling dengan klien berkeperluan khas dan mengambil masa yang lama sedangkan guru kaunseling sangat sibuk dengan pelbagai urusan. Hubungan baik dengan guru pendidikan khas dapat membantu mendalami klien ini.
Guru D	Terdapat pembahagian tugas guru kaunseling. Saya tidak ditugaskan mengendalikan klien berkeperluan khas. Hal ini menyebabkan saya tidak mahir dan tidak pasti dapat menjalankan kaunseling klien berkeperluan khas dengan baik.
Guru E	Saya tidak mahir untuk menjalankan sesi kaunseling individu dengan klien berkeperluan khas. Saya lebih menumpukan kepada program bimbingan klien berkeperluan khas secara berkelompok atau kumpulan besar di dewan.
Guru F	Unit bimbingan kaunseling jarang diberi tugas untuk membimbing klien berkeperluan khas. Biasanya guru pendidikan khas jarang merujuk klien kepada guru kaunseling. Memandangkan tugas-tugas guru kaunseling yang sangat banyak dan tiada klien berkeperluan khas dirujuk maka guru kaunseling tidak menumpukan kepada klien berkeperluan khas dan menyebabkan guru kaunseling bertambah tidak mahir menjalankan kaunseling klien berkeperluan khas.

Sumber : Tinjauan penyelidik
 Subjek kajian : Enam orang guru kaunseling
 Tempat kajian : Dua buah Sekolah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Pulau Pinang
 Kategori Sekolah : Masalah pembelajaran
 Tarikh tinjauan : Januari 2014

Temu bual mendapati keraguan dan ketidakyakinan guru kaunseling adalah disebabkan kurang latihan dan perkara ini menyebabkan ramai guru pendidikan khas tidak merujuk murid berkeperluan khas kepada guru kaunseling walaupun murid tersebut memerlukan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Kurangnya klien berkeperluan khas yang dirujuk menyebabkan guru kaunseling menjadi semakin tidak mahir melaksanakan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas. Tinjauan awal ini juga mendapati guru kaunseling menghadapi cabaran dari sudut dibebani tugas lain sehingga mengeneipkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas.

Dapatan tinjauan awal tentang keraguan dan ketidakyakinan guru kaunseling ini sama dengan hasil kajian Walker (2008) yang mendapati kaunselor pelatih kurang yakin untuk berkhidmat dengan klien berkeperluan khas. Mereka tidak yakin untuk mengendalikan kaunseling klien berkeperluan khas berpunca daripada kurang pengalaman dan latihan sedangkan pengalaman dan latihan kaunseling klien berkeperluan khas sangat penting bagi meningkatkan kesediaan kaunselor (Studer & Quigney, 2003). Selaras dengan itu, kajian Lewis (2010), Torrence (2012) dan Walker (2008) mendapati bahawa keyakinan dan kesediaan kaunselor dapat ditingkatkan dengan pendedahan kepada kaunseling klien berkeperluan khas dalam latihan kaunselor. Oleh itu, sangat perlu program latihan kaunseling memberikan pengalaman sama ada dalam bentuk amali, praktikum atau internship untuk mengendalikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada klien berkeperluan khas ini.

Memandangkan keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan golongan berkeperluan khas ini maka, hal ini menyebabkan bidang tugas guru kaunseling sekolah-sekolah berkaitan semakin mencabar. Guru-guru kaunseling perlu bertindak proaktif untuk menghadapi cabaran perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas. Hal ini memerlukan guru kaunseling mempunyai faktor-faktor kekuatan dalaman seperti efikasi sendiri dan sikap yang positif bagi memastikan kesediaannya melaksanakan sesuatu tugas (Bandura, 1986; Ajzen, 2005). Seseorang yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi dan sikap yang positif akan dapat melaksanakan tugas walaupun dalam keadaan yang sukar (Lewis, 2010; Torrence, 2012; & Walker, 2008). Seterusnya, Torrence (2012) juga mendapati bahawa selain pengetahuan dan pengalaman tentang klien berkeperluan khas, efikasi sendiri dan sikap terhadap klien berkeperluan khas merupakan faktor penting terhadap kesediaan guru kaunseling.

Oleh sebab itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji efikasi sendiri, sikap guru kaunseling terhadap klien berkeperluan khas, kesediaan guru kaunseling dan cabaran menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas. Kajian ini mengenal pasti sama ada efikasi sendiri dan sikap merupakan faktor peramal kepada kesediaan guru kaunseling serta mengkaji secara lebih mendalam cabaran yang dihadapi oleh guru kaunseling ketika menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas di sekolah-sekolah pendidikan khas (SPK) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) berdasarkan tiga kategori iaitu masalah pembelajaran, pendengaran dan penglihatan.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji efikasi sendiri, sikap guru kaunseling terhadap klien berkeperluan khas dan kesediaan guru kaunseling untuk menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada klien berkeperluan khas serta mengkaji cabaran yang dihadapi ketika mengendalikan sesi bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas.

1.5 Objektif Kajian

Objektif-objektif kajian adalah seperti berikut :

1. Menenal pasti tahap efikasi sendiri guru kaunseling.
2. Menenal pasti tahap sikap guru kaunseling terhadap klien berkeperluan khas.
3. Menenal pasti tahap kesediaan guru kaunseling menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas.
4. Mengkaji hubungan antara efikasi sendiri guru kaunseling dengan kesediaan menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas.
5. Mengkaji hubungan antara sikap guru kaunseling terhadap klien berkeperluan khas dengan kesediaan menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas.
6. Menenal pasti sama ada efikasi sendiri dan sikap guru kaunseling terhadap klien berkeperluan khas merupakan faktor peramal kepada

kesediaan guru kaunseling menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas.

7. Mengkaji cabaran yang dihadapi oleh guru kaunseling semasa menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas.
8. Mengkaji perbandingan cabaran menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas mengikut kategori masalah pembelajaran, pendengaran dan penglihatan.

1.6 Persoalan Kajian

Kajian dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan berikut :

1. Adakah tahap efikasi sendiri guru kaunseling?
2. Adakah tahap sikap guru kaunseling terhadap klien berkeperluan khas?
3. Adakah tahap kesediaan guru kaunseling menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas?
4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri guru kaunseling dengan kesediaan menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas?
5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru kaunseling terhadap klien berkeperluan khas dengan kesediaan menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas?
6. Adakah efikasi sendiri dan sikap guru kaunseling terhadap klien berkeperluan khas merupakan faktor peramal yang signifikan kepada

kesediaan menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas?

7. Apakah cabaran yang dihadapi oleh guru kaunseling semasa menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas?
8. Apakah perbandingan cabaran menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas mengikut kategori masalah pembelajaran, pendengaran dan penglihatan?

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis ialah pernyataan yang dibuat tentang sesuatu fenomena yang diselidik, dalam bentuk ramalan tentang hubung kait antara dua atau lebih variabel yang dijangka mempunyai kaitan. Ia merupakan idea awal yang dijangkakan berdasarkan teori-teori atau kajian-kajian lepas yang berkaitan. Hipotesis yang baik hendaklah disertakan dengan rasional pembentukan hipotesis tersebut. Pembentukan hipotesis juga haruslah berlandaskan teori-teori dan kajian-kajian terdahulu (Gay, Mills, & Airasian, 2011). Berdasarkan teori Efikasi Kendiri oleh Bandura (1986) dan *Theory of Planned Behaviour* (TPB) oleh Ajzen (1988; 1991; 2005) dapat dirumuskan bahawa efikasi sendiri dan sikap merupakan variabel penting kerana ia dijadikan pengukur keberkesanan seseorang dan penentu niat untuk bertingkah laku.

Manakala kajian Torrence (2012) pula mendapati sikap dan efikasi sendiri guru kaunseling memberi kesan terhadap kesediaan mengendalikan perkhidmatan kaunseling kepada klien yang mempunyai masalah

pembelajaran. Hasil kajian mendapati terdapat korelasi kuat yang signifikan antara efikasi sendiri dengan kesediaan guru kaunseling menjalankan kaunseling kepada murid bermasalah pembelajaran. Oleh itu, daripada kajian tersebut dapatlah dirumuskan bahawa efikasi sendiri dan sikap mempunyai korelasi signifikan terhadap kesediaan untuk bertingkah laku. Oleh sebab efikasi sendiri, sikap dan kesediaan masing-masing mempunyai hubungan positif dengan pelbagai variabel, maka penyelidik menjangkakan hipotesis alternatif (H_a) adalah sesuai untuk kajian ini. Berikut adalah tiga hipotesis kajian (H_a) bagi menjawab persoalan empat hingga enam.

Hipotesis-hipotesis (H_a) kajian adalah seperti berikut :

- H_{a1} : Terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri guru kaunseling dengan kesediaan menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas.
- H_{a2} : Terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru kaunseling terhadap klien berkeperluan khas dengan kesediaan menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas.
- H_{a3} : Efikasi sendiri dan sikap guru kaunseling terhadap klien berkeperluan khas merupakan faktor peramal yang signifikan kepada kesediaan menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini relevan dalam bidang kaunseling terutamanya bagi melahirkan guru kaunseling yang profesional. Berdasarkan tujuan dan objektif, kajian yang

dilaksanakan ini mempunyai signifikan dari aspek amalan kaunseling sekolah di negara ini. Oleh itu, kajian ini dapat mengembangkan ilmu pengetahuan kepada guru kaunseling khususnya dalam bidang kaunseling klien berkeperluan khas dan memberikan persediaan serta gambaran awal sekiranya guru kaunseling tersebut ditempatkan untuk bertugas di sekolah-sekolah pendidikan khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).

Dapatan kajian menyumbang kepada pemahaman tentang kesediaan guru kaunseling sekolah untuk menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada klien berkeperluan khas. Kajian ini membantu guru kaunseling sekolah memahami faktor-faktor dalaman seperti efikasi sendiri dan sikap terhadap klien berkeperluan khas yang boleh mempengaruhi kesediaan untuk menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas. Cabaran yang dihadapi oleh guru kaunseling ketika mengendalikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas dapat dijadikan panduan kepada bakal guru kaunseling yang akan berkhidmat di sekolah-sekolah pendidikan khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di negara ini. Selain daripada itu, manfaat daripada kajian ini tidak eksklusif kepada guru kaunseling sekolah sahaja, malah kepada pendidikan kaunselor di negara ini juga boleh mendapat pemahaman yang lebih khusus tentang isu-isu bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas.

Di samping itu, keselarasan Model Efikasi Kendiri oleh Bandura (1986) dan *Theory of Planned Behaviour* (TPB) oleh Ajzen (1988; 1991; 2005) dapat menunjukkan efikasi sendiri dan sikap terhadap klien berkeperluan khas mempengaruhi kesediaan guru kaunseling untuk

menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada klien berkeperluan khas. Kajian ini dapat menjelaskan tentang efikasi sendiri dan sikap guru kaunseling terhadap klien berkeperluan khas penting dalam menentukan niat untuk bertingkah laku. Niat ini merupakan gambaran kepada kesediaan guru kaunseling untuk bertingkah laku menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas.

Dalam pada itu, usaha penyelidik mencari jawapan kepada persoalan-persoalan kajian, penerapan sesuatu teori yang relevan dengan permasalahan dan tujuan kajian adalah penyumbang kepada penemuan dapatan kajian yang kukuh dan bermakna. Penggunaan Model Efikasi Kendiri dan *Theory of Planned Behaviour (TPB)* yang dijadikan kerangka teori bagi kajian ini diharapkan dapat menyumbang pengetahuan yang baru kepada bidang bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas di Malaysia. Di samping itu, hasil kajian ini dapat memberikan panduan dan diharapkan dapat meningkatkan keyakinan guru kaunseling untuk memberi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada klien berkeperluan khas. Seterusnya, cabaran yang dihadapi oleh guru kaunseling di sekolah pendidikan khas (SPK) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) ketika mengendalikan sesi bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas dapat dirumuskan dalam bentuk kerangka rujukan yang dapat digunakan oleh guru kaunseling dalam meningkatkan kesediaan mereka memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas yang berkesan.

1.9 Kerangka Konsep

Kajian ini, bertujuan mengenal pasti tahap efikasi sendiri, sikap guru kaunseling terhadap klien berkeperluan khas serta kesediaan guru kaunseling menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas. Tinjauan mengenal pasti tahap efikasi sendiri guru kaunseling, diukur menggunakan instrumen *School Counselor Self-efficacy Scale* (Bodenhorn & Skaggs, 2005), sikap guru kaunseling terhadap klien berkeperluan khas pula diukur menggunakan instrumen *Attitudes Toward Disabled Person Scale – Form O* (Yuker, Block, & Champbell, 1960) dan tahap kesediaan guru kaunseling menjalankan kaunseling klien berkeperluan khas adalah menggunakan instrumen *School Counselor Preparation Survey – Revised* (Milsom, 2002).

Menurut Gay et al. (2011) variabel ialah konsep ataupun konstruk yang diselidik oleh penyelidik. Variabel bersandar (DV) dan tidak bersandar (IV) diuji melalui ujian statistik bagi mengenal pasti perhubungan dan sumbangan variabel. Kajian ini berlandaskan Model Efikasi Kendiri dan *Theory of Planned Behaviour (TPB)* untuk mengenal pasti sama ada efikasi sendiri dan sikap guru kaunseling terhadap klien berkeperluan khas mempengaruhi kesediaan guru kaunseling menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada klien berkeperluan khas.

Variabel tidak bersandar (IV) dalam kajian ini ialah efikasi sendiri guru kaunseling dan sikap guru kaunseling terhadap klien berkeperluan khas manakala variabel bersandar (DV) ialah kesediaan guru kaunseling untuk menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan